



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 30/2011 (24 hingga 30 Julai 2011)

Pada minggu ke-30 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 24 hingga 30 Julai, sejumlah 377 kes Demam Denggi telah dilaporkan, menurun sebanyak 6 kes berbanding dengan 383 kes pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Sarawak yang meningkat sebanyak 8 kes (73%), N.Sembilan 7 kes (64%), Selangor 7 kes (5%), Pahang 4 kes (24%), WP Labuan 3 kes (300%), Sabah 3 kes (75%) dan Melaka meningkat sebanyak 1 kes (14%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 30 Julai sebanyak 12,030 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 58% atau 16,486 kes berbanding dengan 28,516 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 19 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 92 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 83 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 4 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 37 kes Demam Denggi (Lampiran B). Sebanyak 2 daripada 4 lokaliti *hot spots*, iaitu Desa Pandan (Blok G1 –

G10) di zon Pusat Bandar, WP Kuala Lumpur dan Apartment Sri Wira di daerah Gombak, Selangor masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi, iaitu di antara 3.2% hingga 5.0% (Lampiran C). Walaupun kesemua lokaliti *hot spots* ini telah menjalankan gotong-royong, namun keadaan kebersihan terutama di dua lokaliti tersebut masih tidak bersih dan pembiakan Aedes dijumpai 96% di luar rumah iaitu di dalam bekas-bekas seperti plastik, bekas polistren makanan dan minuman yang dibuang merata-rata oleh penduduk setempat. Ini adalah akibat tabiat masyarakat yang suka membuang sampah merata-rata.

Penyertaan masyarakat dalam aktiviti gotong royong juga masih rendah terutama di kawasan *hotspot*. Hanya dalam lingkungan 10% atau 78 orang daripada 790 jumlah penduduk setempat yang menghadiri gotong royong yang dianjurkan oleh jawatankuasa penduduk atau pihak berkuasa tempatan. Aktiviti pengurangan tempat pembiakan melalui gotong-royong adalah kaedah yang paling efektif untuk mencegah denggi. Penubuhan projek COMBI oleh komuniti untuk melaksanakan aktiviti ini amat diperlukan. Sehingga kini terdapat 2,169 projek COMBI di seluruh negara yang dianggotai oleh para sukarelawan di lokaliti berkenaan.

Pihak KKM juga menyeru kepada jawatankuasa setempat, agensi kerajaan dan swasta serta pihak berkuasa tempatan agar memastikan tempat-tempat tumpuan awam pada bulan Ramadan seperti pasar ramadan, masjid, surau serta pusat membeli belah bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ini kerana tempat-tempat tumpuan ini dikunjungi oleh orang ramai, khususnya pada waktu lewat petang atau senja yang merupakan waktu puncak bagi nyamuk Aedes untuk menggigit. Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan adalah dengan menjalankan aktiviti pembersihan setiap minggu di kawasan terlibat dan

memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik (abate) ke dalam kolam takungan kekal seperti di surau atau masjid.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 24 hingga 30 Julai 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 19 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 728 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

1 Ogos 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 30/2011
(24 hingga 30 Julai 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 30/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 30/2010
		Minggu 30 (24 – 30 Julai 2011)	Minggu 29 (17 – 23 Julai 2011)		
1	Perlis	2	4	49	101
2	Kedah	10	11	287	480 (3)
3	P. Pinang	34	48	1,145 (2)	762 (2)
4	Perak	19	23	770 (2)	1,321 (5)
5	Selangor	146	139	4,600 (5)	11,964 (37)
6	WPKL & Putrajaya	33	42	1,095 (1)	2,947 (4)
7	N. Sembilan	18	11	460	1,281 (7)
8	Melaka	8	7	258	409 (7)
9	Johor	29	35	1,046 (5)	2,284 (7)
10	Pahang	21	17	587 (1)	876 (1)
11	Terengganu	11	12	437 (1)	535
12	Kelantan	17	19	407 (1)	1,253 (6)
13	Sarawak	19	11	603	2,888 (12)
14	Sabah	7	4	277 (1)	1,402 (1)
15	WP Labuan	3	0	9	13
	MALAYSIA	377	383	12,030 (19)	28,516 (92)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 30
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Sri Wira	15	54
2	SELANGOR	Petaling	PJS 7	7	31
3	WPKL	Pusat Bandar	Desa Pandan (Blok G1-G10)	10	45
4	WPKL	Setapak	Taman Melati (Kenari Appt)	5	33

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 30
BAGI TAHUN 2011
(24 hingga 30 Julai 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Pusat Bandar	Desa Pandan (Blok G1- G10)	5.0	5
2	SELANGOR	Gombak	Apartment Sri Wira	3.2	3